

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL
ANUAR BIN WAN AHMAD
(KUALA KANGSAR)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 11.06.2015

**Y.B. DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL ANUAR BIN WAN
AHMAD [KUALA KANGSAR]** minta **MENTERI KEWANGAN**
menyatakan sejauh manakah penularan skim-skim cepat kaya di dalam
negara dan berapa banyak kerugian yang telah dilaporkan. Apakah
langkah-langkah yang diambil oleh Bank Negara Malaysia khususnya di
dalam menangani skim-skim sebegini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penularan skim-skim cepat kaya di negara ini di dapati semakin berkembang selari dengan perkembangan teknologi dan zaman. Pada masa kini, skim-skim cepat kaya dan yang seumpamanya telah berupaya menjerat lebih ramai mangsa melalui jalinan rangkaian Internet yang memudahkan kegiatan pemasaran skim tersebut.

Berdasarkan statistik siasatan terhadap kes-kes skim cepat kaya di Malaysia, sejak tahun 2000 hingga 2014 sebanyak 66 buah syarikat/ perniagaan termasuk individu telah disiasat di bawah Seksyen 25 Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989, Seksyen 137 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Seksyen 149 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 di atas kesalahan menjalankan aktiviti pengambilan deposit daripada orang ramai tanpa lesen yang sah. Sebanyak 43 kes telah dihadapkan ke Mahkamah dan 23 kes lagi dalam siasatan. Buat masa ini, sebanyak 28 kes telah disabitkan kesalahan, satu kes telah dilepaskan tanpa bebas, 9 kes masih dalam proses perbicaraan dan 5 kes masih di peringkat rayuan.

Bank Negara Malaysia (BNM) juga telah menyenaraikan sebanyak

171 syarikat yang disyaki terlibat dalam kegiatan pelaburan skim cepat kaya ini di dalam senarai “Peringatan kepada Pengguna (*Financial Consumer Alert*)” di laman sesawang BNM. Langkah ini telah diambil dalam usaha membendung penularan kegiatan haram pelaburan skim cepat kaya oleh penganjur yang tidak bertanggung jawab.

Selain itu, BNM dengan kerjasama pelbagai agensi penguatkuasaan juga telah melaksanakan beberapa inisiatif dalam membanteras penularan aktiviti skim cepat kaya seperti berikut:

- i. Penyenaraian kesalahan-kesalahan perniagaan tanpa lesen dan skim cepat kaya di bawah jadual kedua *Anti-Money Laundering Act*;
- ii. Kerjasama strategik melalui Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram (*National Coordination Committee to Counter Money Laundering, NCC*);
- iii. Penubuhan Jawatankuasa Khas Bersama Bagi Menangani Jenayah Kolar Putih yang dianggotai oleh pelbagai kementerian dan agensi penguatkuasaan;
- iv. Penubuhan Jawatankuasa Penipuan Kewangan dalam Talian (*Online Financial Fraud Taskforce*) yang bertujuan untuk membanteras

jenayah kewangan dalam talian dengan lebih berkesan melalui kerjasama strategik di antara ahli jawatankuasa;

v. Mengadakan kempen kesedaran kepada orang ramai dan pengumuman di media massa;

vi. Penyenaiaan nama-nama syarikat yang disyaki menjalankan skim-skim haram di dalam laman sesawang BNM dan Suruhanjaya Sekuriti; dan

vii. Menyediakan saluran untuk orang ramai membuat aduan mengenai aktiviti haram syarikat MLM, skim cepat kaya, pelaburan emas dan forex di laman sesawang kementerian- kementerian dan agensi yang terlibat.